

REPORT OF THE
PROCEEDINGS
OF THE SECOND
LEGISLATIVE ASSEMBLY,
PENANG

I ST SITTING OF THE
SECOND SESSION WEDNESDAY
9 TH, JUNE **1965**

KPP
328.595123
PEN



107521



REPORT OF THE PROCEEDINGS OF THE SECOND LEGISLATIVE ASSEMBLY, PENANG.

FIRST SITTING OF THE SECOND SESSION
WEDNESDAY, 9TH JUNE, 1965.

PRESENT:

- The Hon'ble Mr. Speaker (Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahmad, P.J.K.)
- „ the Chief Minister (Dato Wong Pow Nee, P.M.N.)
- „ the Legal Adviser (Enche Abdul Hamid bin Haji Omar)
- „ the Member for Glugor (Enche Aziz Ibrahim, J.M.N., J.P.)
- „ the Member for Muda (Tuan Haji Ismail bin Che Chik,
A.M.N., J.P.)
- „ the Member for Sungei Bakap (Mr. Kee Yong Chin, J.P.)
- „ the Member for Permatang Pauh (Enche Ariffin bin Shariff,
P.J.K.)
- „ the Member for Sungei Pinang (Mr. D. S. Ramanathan, J.P.)
- „ the Member for Kelawei (Mr. Tan Khim Hoe)
- „ the Member for Dhoby Ghaut (Enche M. S. A. Zachariah)
- „ the Member for Tanjong Bungah (Mr. Cheah Seng Khim, J.P.)
- „ the Member for Kepala Batas (Tuan Haji Ahmad bin
Haji Abdullah, A.M.N.)
- „ the Member for Bagan Ajam (Mr. Phee Joo Teik, P.J.K.)
- „ the Member for Nibong Tebal (Tuan Haji Sahid bin Hassan,
P.J.K.)
- „ the Member for Balik Pulau (Tuan Haji Ahmad bin Mohamed
Taib)
- „ the Member for Tasek Glugor (Enche Ahmad bin Haji Jamil)
- „ the Member for Butterworth (Mr. Williams David)
- „ the Member for Bayan Lepas (Enche Ismail bin Hashim)
- „ the Member for Kota (Dr. Lim Chong Eu)
- „ the Member for Tanjong Barat (Mr. Teh Ewe Lim)
- „ the Member for Tanjong Tengah (Mr. Teh Geok Kooi)
- „ the Member for Tanjong Utara (Mr. Khoo Kay Por)
- „ the Member for Tanjong Selatan (Mr. Khor Peng Seah)
- „ the Member for Jelutong (Mr. Tan Hock Hin).

ABSENT:

- The Hon'ble the Member for Ayer Itam (Mr. Chor Sin Kheng, J.P.)

1. THE PRAYER.

2. ADDRESS BY HIS EXCELLENCY THE GOVERNOR.

Mr. Speaker: Di-sini saya suka memberitahu Dewan ini bahawa sa-bentar lagi Tuan Yang Terutama Gabnor akan berangkat kemari untuk menyampaikan Uchapan beliau kepada Dewan. Setelah Uchapan Tuan Yang Terutama itu, maka Dewan ini akan ditangguhkan selama sa-tengah jam.

[The Speaker preceded by the Clerk of the Legislative Assembly goes to the entrance of the Chamber to meet His Excellency the Governor.

His Excellency, accompanied by his Aides-de-Camp, enters the Assembly Chamber preceded by the Speaker and the Clerk of the Legislative Assembly.

All present rise and bow as His Excellency proceeds to his seat.]

His Excellency The Governor:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli2 Dewan Negri, Pulau Pinang dan Seberang Perai.

Tahun 1965 ini ada-lah satu tahun yang bersejarah kerana dalam tahun ini-lah Ranchangan Lima Tahun kita yang Kedua akan dapat di-tamatkan dengan penoh berjaya-nya. Dengan berakhir-nya tahun ini bererti-lah kita akan menghadapi pula Ranchangan Malaysia yang Pertama dan Ranchangan Lima Tahun yang Ketiga bagi Negeri ini. Sunggoh pun kejayaan2 yang di-chapai oleh Kerajaan kita ada-lah sederhana sahaja, namun ia-nya merupakan kejayaan2 yang terpuji kerana kejayaan2 itu telah dapat juga di-chapai walaupun pun kita sedang menghadapi

berbagai2 kesulitan seperti Konferantasi yang tidak asing lagi itu — kekurangan wang dan lain2 lagi. Jikalau Negeri Pulau Pinang ini di-ibaratkan sebagai sa-buah bahtera, maka saya sebagai Nakhoda-nya berasa bertuah kerana mempunyai kelasi2 yang ta'at serta rajin untuk melayarkan bahtera itu menempoh gelombang, ribut dan sebagai-nya sa-hingga selamat sampai ka-pelabohan yang aman dan ma'amor. Akan tetapi, sunggoh pun bagitu, kita tidak-lah seharusnya berpelok tuboh dan berdiam diri setakat itu sahaja; sebakel-nya mari-lah kita melengkapkan bahtera kita itu untuk menempoh pelayaran seterusnya'ani ka-arrah menchapai penghidupan yang lebeh sempurna lagi.

Kejayaan kita yang terbesar sekali ia-lah dalam lapangan memajukan kawasan2 luar bandar. Dan, ini-lah juga chita2 dan tujuan kita sewaktu Ranchangan Pembangunan kita yang Pertama dan Kedua di-lancarkan dahulu. Kita memang boleh mengatakan dengan tidak takut2 lagi bahawa kita telah pun berjaya menchapai matlamat kita ia-itu hendak menyamakan taraf ikonomi luar bandar dengan ikonomi dalam bandar. Keadaan yang seperti ini telah dapat di-ujudkan kerana:—

- (a) projek2 pembangunan yang di-ranchang dengan chermat dan teliti itu semua-nya telah di-laksanakan mengikut sistem yang teratur;
- (b) perhubungan yang mesra dan sehat dengan Kerajaan Pusat telah dapat di-kekalkan — dengan yang demikian, membolehkan Kerajaan Pusat melaksanakan ranchangan pembangunan di-dalam Negeri ini dengan tiada sebarang gangguan dan gendala.

(c) Kerajaan telah memakai atau mengikuti dasar2 yang betul untuk menggalakkan penubuhan sharikat2 sendiri sambil menyokong badan2 yang di-tubuhkan oleh Kerajaan seperti Surohan-jaya Pelabohan Pulau Pinang, Lembaga Letrik Pusat dan Keretapi Tanah Melayu mewujudkan suasana yang bersesuaian bagi perniagaan dalam jurusan perusahaan.

Parit Dan Tali-Ayer.

Tidak berapa lama lagi ia-itu Mengepam Ayer di-Pinang Tunggal dan Rancangan apakala siap-nya R a n c h a n g a n Tali-ayer Sungai Jarak maka jumlah luas-nya kawasan2 tanah sawah yang akan mendapat faedah tali-ayer yang sepenoh2-nya akan bertambah dari 33,500 ekar menjadi 38,600 ekar. Bahkan, pada masa sekarang ini pun lebeh daripada 33,500 ekar tanah sawah telah mendapat faedah tali-ayer.

Luas kawasan tanah2 sawah yang di-tanam dua kali sa-tahun juga telah bertambah ia-itu dari 28,788 ekar dalam tahun 1963 menjadi 29,662 ekar dalam tahun 1964. Di-sini elok juga di-terangkan bahawa di-antara Negeri2 di-Tanah Melayu ini Pulau Pinang-lah negeri yang mempunyai kawasan penanaman padi dua kali sa-tahun yang paling luas sekali.

Ranchangan Saloran-ayer Juru-Krian ia-lah sa-buah ranchangan yang besar yang mengandongi beberapa bahagian dan jurusan — di-antara-nya ia-lah Ranchangan Parit Nibong Tebal yang mana telah pun di-siapkan dalam tahun 1963 dahulu. Kerja2 untuk membena Ranchangan Bukit Tambun, sa-bahagian lagi daripada ranchangan yang besar itu, telah pun di-jalankan lebeh daripada setakat mana yang di-jadualkan, dan pada penghujung tahun ini sebanyak 90% daripada-nya akan

dapat di-siapkan, Kerja2 mengenai dua buah lagi ranchangan bahagian-nya itu akan di-mulakan dalam sedikit masa lagi.

Pertanian.

Oleh kerana usaha2 memperbaiki urusan pertanian di-beri perhatian istimewa ya'ani di-sifatkan sebagai urusan yang mustahak, maka kita telah memperolehi hasil2 yang sangat menggembirakan. Di-hitong sechara pukul rata, hasil yang di-perolehi daripada tanaman padi biasa bagi tiap2 sa-ekar telah bertambah terus menerus—luas kawasan-nya ada-lah seperti biasa juga ya'ani 40,000 ekar. Bagi musim 1963/64, jumlah-nya ia-lah 442 gantang, akan tetapi bagi musim 1964/65 jumlah itu telah bertambah menjadi 453 gantang. Bagitu juga hal-nya dengan hasil yang di-perolehi daripada tanaman padi di-luar musim atau lebeh kerap di-sebutkan orang "padi Taiwan"—bertambah menjadi 458 gantang sa-ekar dalam tahun 1964. Memang boleh di-jangkakan bahawa hasil pengeluaran padi akan meningkat dan bertambah lagi di-masa2 hadapan; ini ia-lah kerana dua jenis padi yang baru—Malinja dan Mahsuri — sangat2 di-gemari oleh petani2 atau peladang2 kita. Padi jenis Malinja dan Mahsuri ini boleh di-tanam dan seterusnya di-tuai dalam tempoh 135 hari sahaja — hasil pengeluaran-nya pula ia-lah sebanyak 650 gantang sa-ekar. Meskipun padi2 jenis baru ini telah terchipta namun Kerajaan tidak juga berhenti2 berusaha untuk menolong petani2 dan peladang2 sekalian. Sebagai mithalannya, sekarang ini Kerajaan adalah bekerjasama dengan pehak Badan Penyelidikan Padi Antarabangsa di-Manila — atau dalam bahasa Inggeris "International Rice Research Institute of Manila" — untuk menchari jalan mengubati sa-jenis penyakit pokok yang sangat2 di-takuti ia-itu "penyakit merah".

Kerajaan Negeri ini sangat-lah terhutang budi kepada Kerajaan Pusat kerana Kerajaan Pusat telah memperluaskan ranchangan bantuan baja padi-nya itu bagi meliputi Negeri Pulau Pinang ini. Dalam tahun 1964 dahulu, peruntukan wang sebanyak \$50,000 telah di-beri dan pada tahun 1965 ini peruntukan wang sebanyak itu juga ada-lah di-beri. Saya berasa sunggoh gembira memerhatikan bahawa sekarang ini semakin ramai lagi bilangan petani2 dan peladang2 yang menggunakan baja untuk tanaman2 mereka. Dalam tempoh 12 bulan yang lampau mereka telah membeli baja sebanyak 1,760 tan daripada Kerajaan dengan jumlah harga sebanyak \$270,000. Dalam tempoh 12 bulan sebelum itu jumlah baja yang dibeli oleh mereka ia-lah sebanyak 1,135 tan dengan harga-nya sebanyak \$174,000 sahaja.

Selain daripada itu bilangan peladang2 yang menggunakan trekter untuk berchuchok tanam pun ramai juga. Sebanyak 47 buah trekter berharga \$130,000 telah di-beli mereka dengan wang pinjaman pemberian pehak Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan atau RIDA. Sa-bahagian besar daripada tanah2 sawah yang di-tanam dengan padi dua kali setahun ada-lah di-tenggala oleh petani2 dan peladang2 dengan menggunakan trekter.

Perkara yang paling mustahak untuk memajukan pertanian ia-lah pelajaran. Ini-lah jurusan atau aspek yang di-titek beratkan oleh Kerajaan dengan giat-nya. Di-Bumbong Lima sa-buah Sekolah Pertanian akan di-bena dan perbelanjaan bagi perengkat yang pertama-nya ia-lah sebanyak \$500,000. Pada mula2-nya, sekolah ini akan dapat muat seramai lebih kurang 100 orang penuntut, akan tetapi lama kelamaan nanti sekolah itu akan dapat muat seramai 270 orang penuntut. Sa-buah pusat

perchubaaan padi yang berharga sebanyak \$500,000 lagi dan mempunyai kawasan seluas lebih kurang 50 ekar akan juga di-bena di-sekolah itu.

Kerajaan juga ada-lah memberi perhatian yang berat berkenaan dengan usaha2 memaju dan memperbaiki tanaman2 yang lain termasuk getah, kelapa, kelapa sawit dan pokok buah-buahan.

Penubohan persatuan2 peladang juga di-beri galakan oleh Kerajaan kerana dengan melalui persatuan2 itu-lah chara2 berchuchok tanam yang moden dan ilmu pengetahuan yang lain2-nya yang ada kena mengena dengan pertanian dan perkebunan dapat di-sebar-kan. Bilangan persatuan2 peladang yang ada sekarang ini sudah makin bertambah banyak — ini amat-lah memberangsangkan.

Perkhidmatan2 Haiwan.

Satu perkara yang mustahak dalam ikonomi luar bandar ia-lah penternakan ayam-itek dan lain2 binatang ternakan. Langkah2 yang bertujuan hendak memberi galakan supaya ra'ayat menternak binatang2 itu dan juga untuk menambah-baik mutu-nya telah pun diteruskan dengan lebih giat lagi. Sebagaimana yang di-jangka, langkah2 itu telah mendatangkan hasil. Mithalan-nya, bilangan ayam-itek telah bertambah sebanyak lebih kurang 25% manakala bilangan babi pula telah juga bertambah dengan banyak-nya. Berkenaan dengan kedua2 jenis binatang ternakan ini Negeri Pulau Pinang ada-lah mempunyai lebih daripada menchukupi dan yang berlebehan itu di-bawa keluar ka-bandar2 lain seperti Kuala Lumpur dan Ipoh.

Sekarang ini Kerajaan sudah pun memulakan ranchangan pernianian beradas (artificial insemination) ia-itu untuk menambah-

baik mutu baka binatang2 ternakan kita. Sebagai permulaan-nya, ranchangan ini hanya akan dihadkan kepada lembu dan kerbau sahaja. Dengan ada-nya ranchangan yang baru ini maka akan bertambah baik-lah lagi baka binatang2 ternakan kita dan bagitu-lah juga hasil keluaran yang diperolehi daripadanya.

Oleh kerana perkhidmatan2 yang di-beri oleh Jabatan Haiwan ada-lah di-gunakan dengan luas-nya oleh ra'ayat sekalian, maka dua buah lagi pusat chawangan pejabat haiwan telah di-buka dalam beberapa bulan yang lalu — sa-buah di-Penaga, Seberang Perai Utara dan yang sa-buah lagi di-Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan. Kedua2 tempat ini ia-lah kawasan penternakan ayam-itek dan binatang2 ternakan yang penting dan mustahak di-dalam Negeri ini. Jika dan apabila di-perlui, maka banyak lagi chawangan2 seperti itu akan di-adakan.

Jalan2 Raya.

Sebagai melaksanakan dasar-nya hendak menambah-baik perhubungan dari satu tempat ka-suatu tempat yang lain, maka dalam tempoh 12 bulan yang lampau Kerajaan telah membena berbatu2 jauh-nya jalan2 raya dengan perbelanjaan sebanyak lebih dari \$1.25 juta. Sambil itu, lain2 projek jalan raya berharga sebanyak \$1,250,000 lagi sedang berjalan dengan lancar-nya. Projek2 yang saya maksudkan ini tidak termasuk tiga buah ranchangan yang besar yang di-belanja terus oleh Kerajaan Pusat ia-itu:—

- (a) Jembatan Prai — berharga \$2 juta;
- (b) Jalan2 ka-arrah Jembatan Prai — berharga \$3.5 juta;
- (c) Empangan Juru dan Pintu-ayer — berharga \$1 juta.

Dengan ada-nya jambatan baru di-Prai itu, maka orang ramai tidak-lah lagi akan mengalami ke-lambatan dan kepayahan sebagai-mana yang mereka alami di-titi timbul Permatang Pauh kerana titi timbul itu sempit dan kenderaan2 tidak boleh berselisih di-atas-nya — jadi, terpaksa-lah menunggu giliran masing2. Akan tetapi jambatan Prai tidak bagitu-lebar-nya ia-lah 56 kaki. Ia-nya juga merupakan suatu jalan baru ka-arrah Butterworth dari selatan dan dengan ada-nya jambatan itu perjalanan dari Prai ka-Butterworth menjadi lebih dekat. Adalah di-jangka bahawa jambatan ini akan siap sebelum menjelang-nya Hari Kemerdekaan kita tahun ini. Berhubung dengan pembenaan jambatan baru ini maka Jalan Chain Ferry yang lama yang bersambung dengan Jalan Prai itu pun ada-lah di-perbaiki juga keadaan-nya supaya menjadikan mutu-nya itu sama baik-nya dengan jalan raya besar yang moden — dan ini akan memakan belanja sebanyak \$3.5 juta. Kemajuan-nya ada-lah pesat dan keselurohan projek ini di-jangka akan siap sebelum akhir tahun ini atau pun pada awal tahun depan. Empangan Juru itu pula akan menjadi sa-batang jalan tambak yang mempunyai pembetong “double box” serta pintu2 ayer. Ini ia-lah sa-buah projek yang penting kerana ia-nya menggantikan titi lama yang sempit yang melintangi Sungai Juru. Dengan itu dapat-lah kenderaan2 berjalan dengan lebih senang dan pantas lagi kerana boleh berselisih di-atas-nya. Ranchangan2 tali-ayer dan pengguna2 tanah juga akan mendapat faedah daripada ranchangan ini oleh kerana ayer sungai ka-hulu daripada jalan tambak yang baru itu akan terselamat daripada kemasokan ayer laut dengan ada-nya pintu2 ayer di-situ — ini berma'ana bahawa lebih kurang 3,000 ekar tanah akan dapat di-tambuskan dan boleh di-gunakan.

Sekarang ini Kerajaan ada-lah sedang membesarkan Kilang Pe-chah Batu di-Penanti untuk menyempurnakan kehendak2 dan keperluan2 membena jalan2 raya dan projek2 yang lain2-nya. Untok menghasilkan tujuan ini maka sa-buah loji dan jentera pesawat yang baru berharga lebih daripada \$1.5 juta telah pun di-adakan di-situ.

Ayer.

Sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, satu daripada dasar2 Kerajaan yang utama ia-lah untok memberi bekalan ayer paip yang bersekh kepada semua ra'ayat di-mana2 sahaja mereka berada, dan sebagai melaksanakan dasar ini Kerajaan telah melancarkan suatu ranchangan menyambong bekalan2 ayer ka-seluruh Negeri ini dengan mengeluarkan perbelanjaan berjuta2 ringgit banyak-nya. Dalam tempoh 12 bulan yang lampau, sepanjang 56 batu paip2 ayer telah di-pasang di-merata2 tempat di-seluruh Negeri ini — paip2 itu besar-nya ia-lah diantara 4 inchi dengan 18 inchi dan lain2 lagi. Sambongan2 paip ayer ini bukan sahaja memberi bekalan ayer untok kegunaan di-rumah2 bahkan juga untok perusahaan2 yang pada masa ini kedapatan di-merata2 tempat di-dalam Negeri ini. Suatu jurusan lagi dalam ranchangan bekalan ayer ini ia-lah mengadakan kemudahan2 yang perlu untok menapis dan menyimpan ayer. Berkenaan hal ini, sa-buah kolam ayer lagi telah ditambah dengan memakan belanja sebanyak tiga juta ringgit. Kolam ini boleh mengisi ayer sebanyak 1.5 juta gelen dan telah pun siap di-bena di-Bukit Panchor dalam bulan Januari, 1965. Dan sekarang ini sa-buah kolam ayer yang boleh mengisi sebanyak 1.5 juta gelen ayer sedang di-bena di-Bukit Toh Allang. Loji penapis dan pembersekh ayer yang ada di-Bukit Toh Allang itu pun sudah di-per-

besarkan lagi. Kerja2 yang memakan belanja sebanyak \$785,000 ini akan siap dan selesai dalam beberapa minggu sahaja lagi dan dengan itu maka akan bertambahlah pengeluaran ayer di-Bukit Toh Allang itu dari 4.5 juta gelen sehingga 9 juta gelen pada sa-hari.

Kerajaan juga sedar bahawa tidak semua orang mampu memasokkan sambongan bekalan ayer ka-rumah mereka walau pun ditempat mereka itu ayer boleh didapati. Memasokkan bekalan ayer ada-lah memerlukan wang. Jadi, untok maksud ini Kerajaan Negeri telah melancarkan suatu ranchangan pinjaman yang dengan-nya penduduk2 yang miskin boleh memasokkan bekalan ayer ka-rumah masing2. dengan mengeluarkan belanja-nya sechara beransor2 pada tiap2 bulan ia-itu selama 24 bulan. Wang pendahuluhan yang di-beri mengikut ranchangan ini tidak di-kenakan apa2 faedah.

Kerja2 mengadakan bekalan ayer ada-lah proses yang tidak putus2 terutama sekali apabila bilangan penduduk2 semakin hari semakin bertambah ramai dan ikonomi pula semakin tinggi. Sekarang ini Kerajaan Negeri berura2 hendak melancarkan sa-buah ranchangan bekalan ayer yang besar yang berharga lebih daripada \$50 juta. Ranchangan yang di-chadangkan ini ia-lah untok mengambil ayer daripada Sungai Muda di-Seberang Perai Utara supaya dapat menyempurnakan kehendak2 dan keperluan2 di-seluruh Negeri ini. Ranchangan itu sekarang ini sedang di-pereksa dan di-selidek dengan chermat dan teliti-nya oleh pegawai2 Kerajaan Negeri dan pegawai2 Majlis Bandar Raya.

Memasokkan Bekalan Letrik Ka-Kawasan2 Luar Bandar.

Satu daripada kejayaan2 besar yang di-chapai oleh Kerajaan kita

ia-lah dalam usaha2-nya memasokkan bekalan letrik ka-kawasan2 luar bandar. Dalam tempoh 12 bulan yang lalu, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri telah memberi pertolongan memasokkan bekalan letrik untuk 13 buah kampung di-Seberang Perai dan 4 buah kampung di-Pulau Pinang. Kerja2 untuk memasokkan bekalan letrik ka-10 buah kampung lagi sedang di-jalankan sekarang.

Pelajaran.

Kerajaan Pusat patut-lah di-uchapkan berbanyak2 terima kasih kerana dengan sebab bantuannya-lah Negeri ini telah dapat mencapai kemajuan yang memuaskan hati dalam lapangan pelajaran. Enam buah Sekolah Menengah yang baru telah pun di-dirikan dan delapan buah daripada sekolah2 yang ada sekarang telah di-perbaiki keadaan-nya — jumlah perbelanjaan-nya ia-lah \$1.6 juta. Kerja2 untuk membina enam buah lagi Sekolah2 Menengah yang baru sudah pun berjalan sekarang — jumlah harga-nya pula ia-lah \$6 juta. Di-antara enam buah sekolah2 baru itu ia-lah Sekolah Teknik (berharga \$2,500,000) di-Batu Lanchang, Pulau Pinang — pembenaan-nya di-jangka siap dalam bulan September akan datang. Sa-buah lagi ia-lah Sekolah Menengah Melayu di-Caunter Hall, Pulau Pinang, yang kini sedang di-bena dengan harga sebanyak \$850,000. Selain daripada mendirikan sekolah2, Kerajaan Pusat juga telah memberi wang bantuan berjumlah sebanyak \$280,000 dalam tahun 1964 kepada 26 buah sekolah2 yang bukan milik Kerajaan. Wang bantuan itu ia-lah untuk mendirikan bangunan2 tambahan dan untuk menjalankan lain2 kerja yang kecil2.

Dengan ada-nya sekolah2 baru yang di-bena dan yang akan di-bena itu, maka dapat-lah murid2 sekolah di-dalam Negeri ini yang

semakin hari semakin ramai bilangan-nya itu menuntut pelajaran dalam keadaan yang lebeh sempurna. Bilangan murid2 telah bertambah sebanyak lebeh kurang 3,500 orang di-sekolah2 rendah dan sebanyak 7,322 orang di-sekolah2 menengah. Ibu bapa murid2 sekolah sekalian-nya tentu sekali akan maseh ingat lagi tentang kebijaksanaan dan kepintaran Kerajaan Pusat kerana melan-charkan sistem pelajaran anika jurusan di-sekolah2 menengah peringkat rendah mulai daripada tahun 1965; mengikut sistem ini pengajaran mata pelajaran dari segi teknik ada-lah satu perkara yang di-wajibkan bagi semua sekolah2 dan semua kanak2 sekolah akan mendapat pelajaran sekurang2-nya selama 9 tahun. Sistem ini-lah faktur yang besar yang telah menyebabkan bertambah-nya bilangan murid2 di-sekolah2 menengah yang mendapat bantuan penoh daripada Kerajaan. Tambahan itu ia-lah sebanyak 7,322 orang (ya'ani sebanyak 28% daripada bilangan kanak2 yang masuk sekolah pada tahun 1964).

Pada masa sekarang ini bilangan murid2 yang menuntut pelajaran tinggi ada-lah semakin bertambah ramai — jadi, dengan sebab itu-lah sa-buah lagi darjah tingkatan 6 telah di-adakan untuk murid2 perempuan di-dalam tahun 1965 ini. Sekarang, di-Pulau Pinang ini ada 5 buah sekolah yang mempunyai tingkatan 6 — jumlah kelas2-nya ia-lah 22: 13 daripadanya untuk jurusan sains manakala yang 9 lagi itu untuk jurusan seni.

Universiti.

Di-sini dengan segala sukachitanya saya menambah-kata bahawa hal mengenai Universiti atau Maktab Universiti di-Pulau Pinang ini bukan-lah lagi merupakan suatu impian atau projek yang ta' mungkin di-chapai. Bahkan, tidak berapa lama lagi ia-nya

harus akan di-perolehi. Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri Malaysia telah pun bersetuju pada dasar-nya berkenaan dengan chadangan hendak menubuhkan sa-buah Universiti/Maktab Universiti di-Pulau Pinang itu. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri suka-lah hendak menguchapkan ribuan terima kaseh dengan sa-ikhlas2-nya kapada Yang Teramat Mulia Tengku yang di-kasehi ia-itu kerana memberi ehsan-nya ka-atas chadangan tersebut. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri ini juga berdo'a semoga beliau akan memperolehi kelapangan masa untuk mempertimbangkan perkara ini selanjut-nya supaya dapat-lah di-tubuhkan di-Pulau Pinang ini sa-buah Maktab Universiti atau, lebeh baik lagi, sa-buah Universiti dalam sedikit masa lagi. Kerajaan Negeri, bagi pehak-nya sendiri pula, sedang berusaha sedaya upaya untuk mengadakan tanah untuk maksud itu. Barangkali elok-lah juga saya mengambil kesempatan di-sini menyeru sekalian penduduk2 Pulau Pinang supaya memberi sumbangan dengan segala murah hati terhadap usaha2 menubuhkan Maktab Universiti atau Universiti itu.

Di-dalam Negeri ini pelajaran tidak-lah terhad kapada orang2 muda sahaja. Malah, untok orang2 dewasa juga ada di-anjorkan kelas2 bahasa kebangsaan. Dalam kelas2 pelajaran dewasa ini ada seramai lebeh daripada 11,000 orang yang sedang belajar membaca dan menulis dalam bahasa kebangsaan dan juga lain2 pelajaran saperti ugama Islam, urusan rumah tangga atau ikonomi rumah tangga.

Sekolah Latehan Pergigian.

Di-Pulau Pinang ini ada sa-buah lagi sekolah yang telah menolong mempertingkatkan nama baik Negeri ini sebagai sa-buah

pusat pelajaran. Yang di-maksudkan ia-lah Sekolah Latehan Pergigian (pada masa depan sekolah ini akan di-gelar Pusat Pergigian) dan letak-nya sekarang ini ia-lah di-dalam bangunan Rumah Sakit Besar Pulau Pinang. Di-sekolah ini terdapat berbagai2 kemudahan latehan untok Jururawat2 Pergigian dan juga untok Juruteknik2 Pergigian — Jururawat2 Pergigian itu akan menolong kanak2 menchegeh penyakit2 gigi. Penuntut2 yang mendapat latehan di-sekolah ini termasuk-lah juga pelateh2 dari negeri2 dalam Lingkongan Kommanwelth yang lain2-nya. Atas permintaan Kerajaan Negeri, maka Kerajaan Pusat telah pun bersetuju supaya Sekolah Latehan Pergigian yang mashor dan terkenal ini di-tempatkan terus menerus di-negeri ini. Tidak berapa lama lagi sekolah latehan ini akan dapat menggunakan bangunan-nya sendiri yang dibena dengan harga lebeh kurang \$1 juta. Pembenaan bangunan ini sudah hampir2 siap dan letak-nya ia-lah di-Sepoy Lines ia-itu dekat dengan Rumah Sakit Besar. Bangunan baru ini mengandongi dua buah kelinik pergigian untok kanak2—di-lengkapi dengan alat2 untok merawat 100 orang kanak2 pada satu2 masa, sekolah untok Jururawat2 Pergigian, sekolah untok Juruteknik2 Pergigian dan sa-buah jabatan untok pelajaran kesihatan gigi.

Perkhidmatan Perubatan dan

Kesihatan.

Dalam lapangan perkhidmatan perubatan dan kesihatan juga kita harus menguchapkan ribuan terima kaseh kapada Kerajaan Pusat kerana dengan sebab bantuan-nyalah maka kemajuan2 yang memuaskan telah dapat di-chapai. Perbelanjaan mengikut hitungan penduduk2 bagi tahun 1964 di-dalam Negeri Pulau Pinang ini ia-lah lebeh daripada \$14 pada sesa-orang, manakala perbelanjaan sa-

perti itu bagi semua Negeri2 di Tanah Melayu di-chantumkan sekali ia-lah chuma sebanyak lebeh sedikit sahaja daripada \$12 pada sesa-orang. Pulau Pinang ini sangat-lah bernasib baik kerana mempunyai rumah2 sakit yang lengkap di-mana kemudahan2 kesihatan boleh di-dapati. Mutu kesihatan penduduk2 di-sini pun adalah tinggi. Mithalan-nya, bilangan kanak2 yang meninggal dunia di-Pulau Pinang ia-lah bilangan yang terkecil sekali di-seluruh negara kita.

Dalam tempoh 12 bulan yang lalu sa-buah Pusat Kesihatan Daerah dan 10 buah kelinik2 bidan telah pun di-buka dalam Negeri ini. Di-samping itu pula empat buah pusat kesihatan atau chawangan pusat kesihatan dan 21 buah kelinik2 bidan sedang di-bena sekarang ataupun akan di-mulakan pembenaan-nya dalam sedikit masa lagi. Sekarang ini ada sebanyak 42 buah kelinik2 bidan yang memberi perkhidmatan-nya kepada orang ramai dan oleh sebab itu-lah maka lebeh ramai lagi ibu2 yang tinggal di-kawasan2 luar bandar melahirkan anak mereka di-bawah jagaan dan keloalaan bidan2 yang terlately.

Sa-buah bangunan pentadbiran dan jabatan orang sakit luar berharga sebanyak \$225,000 telah pun siap di-bena di-Rumah Sakit Daerah Sungai Bakap. Dengan ini maka sekarang ini berma'ana-lah semua Rumah2 Sakit Daerah di-dalam Negeri ini mempunyai bangunan pentadbiran dan jabatan orang sakit luar yang baru — di-bena dalam bidang Ranchangan Pembangunan Lima Tahun yang Kedua. Selain daripada itu, berbagai2 kerja untuk memperbaiki keadaan di-Rumah Sakit Besar, Pulau Pinang dan Perkhemahan Pengidap2 Penyakit Batok Kering dan Kusta di-Pulau Jerejak telah pun di-jalankan. Satu lagi kejayaan besar yang telah di-chapai ia-

lah kebolehan kita melancharkan perkhidmatan pasokan X-ray berkereta ia-itu memberi perkhidmatan X-ray perchuma kapada sekalian penduduk2 di-Negeri ini untuk menchegeh penyakit Batok Kering. Ada-lah di-harapkan semua penduduk2 akan mengambil peluang daripada perkhidmatan ini dan jangan-lah mereka takut kerana ta'ada apa pun yang harus di-takutkan. Dengan mengambil peluang daripada perkhidmatan ini maka akan bertambah baik-lah lagi keadaan kesihatan di-dalam Negeri ini.

Rumah2 Murah.

Berkenaan dengan pembenaan rumah2 murah, Kerajaan Negeri sekarang ini sedang membuat apa sahaja yang boleh dan berusaha dengan sedaya upaya-nya untuk mengadakan tempat2 tinggal yang sempurna dan yang mampu di-bayar harga-nya oleh orang2 yang berpendapatan kecil. Dalam bulan Oktober, 1964 sebanyak 100 buah rumah2 jenis terrace telah siap di-bena di-Jalan Kampong Melayu, Ayer Itam. Ranchangan Perengkat II di-Berapit, Bukit Mertajam juga telah di-siapkan—ranchangan ini mengandongi 50 buah rumah. Di-Telok Bahang, sa-buah lagi ranchangan yang mengandongi 144 buah rumah yang di-bena khas untuk nelayan2 sahaja sekarang ini hampir2 siap. Ketiga2 ranchangan ini ada-lah memakan belanja sebanyak \$1.6 juta. Dalam tahun 1965 ini pula pelaksanaan ranchangan2 perumahan murah ada-lah di-perhebatkan lagi. Mengikut chadangan yang ada, sebanyak 1,200 unit rumah2 murah akan di-adakan dengan harga lebeh kurang sebanyak \$5.5 juta. Wang pinjaman sebanyak \$5.15 juta bagi maksud ini sudah pun di-luluskan oleh Kerajaan Pusat. Kerja2 membena-nya akan di-mulakan dengan serta merta.

Sementara saya berchakap berkenaan dengan hal2 perumahan, suka-lah saya menyebutkan di-sini bahawa Kerajaan kita pada masa sekarang sedang menjalankan rancangan-nya untuk mengadakan tempat tinggal yang sempurna bagi pekerja2 Kerajaan yang berjawatan rendah. Mengikut rancangan ini, rumah2 baru akan di-dirikan dan rumah2 buroh yang ada sekarang ya'ani rumah2 yang keadaan-nya kurang sempurna, akan di-perbaiki dan di-perelokkan. Dalam tempoh 12 bulan yang lalu, sebanyak 50 buah rumah2 telah di-bena atau pun di-tukar menjadi rumah yang moden keadaan-nya. Sekarang ini pula kerja2 sudah pun di-jalankan berkenaan dengan 54 buah rumah lagi.

Kebajikan Masharakat.

Kerajaan Negeri suka menguchapkan berbanyak2 terima kasih kepada berbagai2 pertubuhan sukarela yang sekarang ini memberi pertolongan untuk mengurangkan kesusahan dan penderitaan orang2 yang miskin, sakit dan chachat serta mendatangkan kegembiraan kepada mereka. Kerajaan Negeri, bagi pehak-nya sendiri, telah pun menambahkan lagi peruntokan wang bagi Kebajikan 'Am, termasuklah bantuan2, sebanyak lebih kurang 50% didalam Anggaran Perbelanjaan-nya bagi Tahun 1965 ini. Sebab-nya Kerajaan berbuat demikian ia-lah untuk memberi bantuan yang berlebih2 lagi kepada orang2 miskin dan mereka yang kurang bernasib baik. Satu lagi aspek yang penting dalam kerja2 kebajikan yang dijalankan oleh Kerajaan ia-lah memberi perhatian rapi atau dengan lain2 perkataan, menitikberatkan hal kebajikan kaum belia.

Perusahaan Perkilangan.

Di-dalam Negeri kita ini, tanah2 yang sesuai yang belum di-

pergunakan sangat-lah kurang — dari itu, untuk mendatangkan ke-ma'amoran kepada ra'ayat dan negeri, usaha2 yang mustahak di-jalankan ia-lah perusahaan perkilangan. Dengan sebab itu-lah pula Kerajaan berusaha sa-boleh2-nya mewujudkan suasana atau keadaan yang sesuai bagi perusahaan perkilangan. Lebih daripada \$3,000,000 pada masa ini ada-lah di-belanja oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan Kawasan Perusahaan Mak Mandin. Di-kawasan tersebut semakin hari semakin banyak kilang2 di-bena atau di-mulakan perjalanan-nya. Tidak berapa lama dahulu Perdana Menteri Malaysia telah meletakkan batu asas bagi sa-buah kilang yang besar ia-itu bergelar "Gelani Jute and Textile Mill" — ada-lah di-jangka bahawa kilang ini lama kelamaan nanti akan dapat memberi pekerjaan kepada 700 orang. Baru2 ini pula sa-buah kilang pembuat bedak dan alat2 solek menyolek telah di-buka dengan resmi-nya oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Sekarang ini sebanyak tiga buah kilang lagi sedang di-bena dan tidak berapa lama lagi pula sebanyak 12 buah kilang lagi akan di-dirikan. Untuk membantu ahli2 perusahaan dengan modal maka pehak Kerajaan telah membuat urusan dengan Sharikat Pemodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDFL) supaya sharikat itu membena 64 buah unit bangunan2 perusahaan jenis terrace. Jumlah perbelanjaan membena-nya ia-lah lebih daripada \$2 juta dan bangunan2 perusahaan itu akan di-jual sechара bayaran ansuran. Di-dalam bangunan yang bakal di-bena itu, tingkat bawah-nya boleh-lah di-gunakan bagi menjalankan perusahaan2 kecil manakala tingkat atas-nya pula boleh di-gunakan sebagai tempat tinggal. Kerajaan Negeri ini menaruh keyakinan bahawa dengan ada-nya segala kemudahan2 yang di-sediakan termasuk juga kedudukan-nya

yang istimewa itu, maka banyak-lah lagi kilang2 akan di-bena di-situ — yang demikian, banyak-lah lagi peluang2 untuk bekerja akan terbuka kepada penduduk2 Pulau Pinang dan akan lebeh ma'amor-lah lagi Negeri kita ini. Pendek kata Kerajaan Negeri ini tiada shak dan ragu2 lagi, walau sa-gelintir jua pun, yang usaha2-nya mengenai Kawasan Perusahaan Mak Mandin itu akan mencapai kejayaan.

Kemajuan perusahaan ini bu-kan-lah di-hadkan kepada Kawa-san Perusahaan Mak Mandin sa-haja — malah di-merata2 tempat di-dalam Negeri ini ada kilang2 dan perusahaan2 di-jalankan. Ini ia-lah kerana kedudukan Negeri Pulau Pinang ini dan juga kerana ada-nya kemudahan2 yang boleh di-dapati. Kilang gula yang per-tama sekali di-Tanah Melayu ini telah di-buka dengan resmi-nya di-Prai oleh Tengku Perdana Men-teri pada penghujung tahun sudah. Sa-buah kilang besi yang membuat dan mengeluarkan kepingan2 zink telah pun berjalan sekarang di-kawasan Nibong Tebal. Tidak be-rapa lama lagi, sa-buah kilang besi waja yang besar dan sa-buah kilang memasang motokar akan di-bena di-Prai. Di-Pulau Pinang ada sa-buah kilang membuat ke-meja yang berjalan sekarang; ki-lang ini ia-lah sa-buah kilang yang mendapatkan pertukaran wang luar untuk Malaysia kerana keme-ja2 itu ada-lah di-bawa keluar atau di-ekspot ka-Amerika Shari-kat dan lain2 Negeri di-seberang laut. Kilang2 ini ada-lah di-sifat-kan oleh Kerajaan Negeri sebagai “perintis jalan” sahaja — ya’ani banyak lagi kilang2 lain pula yang akan di-dirikan di-Negeri Pulau Pinang ini. Kerajaan Negeri me-nyambut baik segala kilang2 atau perusahaan2 yang telah di-jalan-kan dan mengalu2kan kedatangan yang lain2-nya — Kerajaan ber-sedia memberi apa sahaja bantuan yang boleh kepada mereka. Di-sini

suka saya menambah kata bahawa soal menchari tapak2 yang sesuai bagi menarek perusahaan2 ka-Pulau Pinang ini ada-lah sedang di-beri perhatian yang berat dan rapi.

Kemudahan2 Yang Di-Perlukan oleh Perusahaan2.

Berkenaan dengan hal ini Kera-jaan Negeri suka menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kepada Kerajaan Pusat kerana Kerajaan Pusat telah menggalakkan per-usahaan2 supaya datang ka-Negeri Pulau Pinang. Juga, Kera-jaan Negeri menguchapkan ber-banyak2 terima kaseh kepada Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang, Lembaga Letrik Pusat dan pehak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu kerana melaksana-kan projek2 kemajuan-nya di-dalam Negeri ini. Projek2 yang di-laksanakan oleh ketiga2 pehak berkuasa itu merupakan sumbang-an besar bagi menarek perusaha-an2 ka-Negeri Pulau Pinang. Projek2 yang di-maksudkan itu ia-lah:—

- (i) Pembinaan enam derma-ga ayer dalam di-Butterworth dengan perbelanja-an sebanyak \$52 juta — projek ini kepunyaan Su-rohanjaya Pelabohan Pu-lau Pinang. Tiga daripada dermaga2 ayer dalam itu di-jangka akan siap sa-lewat2-nya pada awal tahun 1968;
- (ii) Pembinaan sa-buah sete-shen kuasa wap di-Prai dengan perbelanjaan se-banyak \$57 juta — projek ini kepunyaan Lembaga Letrik Pusat, dan di-jangka akan siap pada bulan Jun tahun 1965.
- (iii) Sambongan landasan ke-retapi dari Prai hingga ka-pengkalan ferri di-Butterworth dengan per-belanjaan sebanyak \$11

juta — projek ini kepunyaan pehak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu. Sambongan ini melibatkan pembenaan sa-buah jambatan yang istimewa melintangi Sungai Prai.

Projek2 yang saya sebutkan itu sangat mustahak dan banyak faedah-nya dari segi ikonomi bagi perusahaan perkilangan. Selain daripada itu, patut-lah di-ambil perhatian juga bahawa dalam urusan melaksanakan projek2 ini sahaja pun sudah ramai penduduk2 kita mendapat pekerjaan.

Pelanchongan.

Kemajuan Negeri Pulau Pinang di-masa hadapan bergantung kepada perusahaan perkilangan dan juga sedikit sebanyak kepada usaha2 menjadikan Pulau Pinang sebagai sa-buah tempat tumpuan pelanchong. Kerajaan telah pun mengambil langkah2 yang tegas ka-arrah ini. Lapangan Terbang di-Bayan Lepas sudah di-perbesarkan dan dengan itu maka Pulau Pinang tidak-lah asing lagi kepada pelanchong2 dari luar negeri ya'ani Pulau Pinang ini sudah berada di-dalam peta penerbangan antarabangsa. Sekarang ini kapal-terbang2 jet pun boleh turun naik di-Lapangan Terbang Bayan Lepas. Sharikat Penerbangan Malaysia sudah pun menjalankan perkhidmatan kapal-terbang jet jenis Comet di-antara Singapura dengan Bangkok melalui Pulau Pinang.

Di-Glugor sa-buah tempat memelihara ikan berharga sebanyak \$1.2 juta akan mula di-bena oleh Kerajaan Pusat tidak berapa lama lagi. Tanah bagi projek ini adalah di-dermakan oleh Kerajaan Negeri. Tempat memelihara ikan ini ada dua faedah besar-nya ia-itu selain daripada menjadi unsor penarek-hati pelanchong2 ia-nya

juga akan menjadi sa-buah pusat penyelidikan kehidupan2 dalam laut.

Sa-buah Muzium dan Balai Seni Lukis telah pun di-buka dan sekarang ini kedua2-nya di-tempatkan di-dalam bangunan Sekolah Hutchings. Perbelanjaan bagi menjaga-nya ia-lah lebeh kurang \$30,000 hingga \$40,000 setahun. Mengikut apa yang diranchangan, sa-buah balai budaya besar yang akan di-gelar Dewan Seri Pinang, akan di-dirikan di-kawasan Padang Renong ia-itu bertentangan dengan bangunan Mahkamah Tinggi. Balai budaya ini berharga tidak kurang daripada \$2 juta dan apabila siap kelak banyak-lah persidangan2 perangkat antarabangsa akan diadakan di-Pulau Pinang ini. Suatu rayuan telah pun di-buat kepada Kerajaan Pusat meminta-nya memberi wang bantuan untuk membena balai budaya itu.

Untuk memperbaiki lagi kemudahan2 bagi orang ramai berulang-alek dari Pulau Pinang ka-Seberang Perai maka pehak Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang akan melancharkan sa-buah lagi ferri yang baru tidak berapa lama lagi. Selain daripada itu, pehak Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang juga membena sa-buah bangunan dengan perbelanjaan sebanyak \$1.25 juta di-mana pejabat2 pentadbiran Surohanjaya itu akan di-tempatkan. Bangunan tersebut juga merupakan tempat berhimpun bagi orang2 yang datang dari luar negeri. Ia-nya akan siap pada bulan depan.

Kerajaan berharap orang2 yang mendapat faedah sechara langsung daripada lawatan para pelanchong akan juga berusaha dengan lebeh giat lagi untuk menarek pelanchong2 ka-Negeri kita ini.

Kemajuan Tanah dan Pentadbiran Tanah.

Di-antara kejayaan2 yang di-chapai oleh Kerajaan Negeri ada suatu kejayaan yang patut sangat di-beri sebutan yang khas dan istimewa. Yang di-maksudkan ialah Kerajaan Negeri telah berjaya mendapatkan sa-buah rancangan kemajuan tanah sa-luas 5,000 ekar di-Negeri Pahang khas untuk penduduk2 Negeri Pulau Pinang sahaja. Kerajaan Negeri suka-lah hendak mendzahirkan rasa terhu-tang budi-nya kepada pehak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Kerajaan Negeri Pahang dan kepada Kerajaan Pusat Malaysia. Jika tidak dengan pertolongan, bantuan dan ehsan ketiga2 pehak berkuasa itu tidak-lah dapat kejayaan yang di-katakan istimewa ini di-chapai. Ada-lah di-harap bahawa penduduk2 dari Pulau Pinang sesuai dengan chogan kata Negeri ini ia-itu "Biar Pulau Pinang Mendahului" akan bekerja keras dan berusaha menjadikan-nya sa-buah rancangan kemajuan tanah yang boleh di-chontoh oleh orang2 lain.

Berkenaan dengan sistem pentadbiran tanah di-dalam Negeri ini, tujuan2 utama Undang2 Tanah Negara (Geran2 Tanah di-Pulau Pinang dan Melaka) Tahun 1963 itu ia-lah untuk memberi geran tanah yang sah dan terang kepada tiap2 tuan empunya tanah, dan juga untuk memechah2kan urusan pentadbiran tanah ka-dalam beberapa saloran ia-itu dengan membenarkan urusan2 tanah di-selenggarakan di-tiap2 Pejabat Tanah. Sa-lepas Undang2 Tanah Negara yang di-chadangkan itu di-luluskan oleh Parlimen maka ia-nya pun akan di-laksanakan-lah dan sebagai langkah untuk bersiap sedia melaksanakan-nya itu maka kakitangan2 Pejabat Tanah ada-lah di-beri latehan2 yang perlu. Anabila sahaja Undang2 itu di-luluskan oleh Parlimen maka Un-

dang2 yang bergelar 'Small Estates Distribution Ordinance, 1955' atau pun "Undang2 Faraid Harta Pusaka Kechil, 1955" itu juga akan berjalan kuatkuasa-nya. Mengikut Undang2 tersebut orang ramai tiada-lah payah atau perlu pergi ka-Mahkamah untuk membahagi2kan harta benda yang berupa tanah kepunyaan sesa-orang si-mati itu. Undang2 itu memberi kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah untuk membahagi2kan-nya — yang demikian kurang-lah perbelanjaan mereka dan masa juga tidak terbuang. Pendek kata lebeh senang dan chepat lagi urusan2 tanah dapat di-selenggarakan.

Perusahaan Perikanan.

Dengan pertolongan serta galakan daripada Kerajaan Pusat dan dengan ada-nya kerjasama dari Kerajaan Negeri, maka perusahaan perikanan di-Pulau Pinang ini telah berkembang maju setapak demi setapak dengan chara yang amat pesat. Ada-lah di-jangka yang Kerajaan Pusat akan menubuhkan sa-buah Maktab Perikanan yang akan memajukan lagi perusahaan perikanan. Kerajaan Negeri akan memberi segala sokongan bagi Maktab ini di-tubuhkan di-Pulau Pinang ini.

Projek2 Pembangunan Yang

Kechil2.

Tadi saya telah beruchap dengan panjang lebar-nya mengenai projek2 yang besar2 sahaja. Ini tidak-lah berma'ana projek2 yang kechil2 telah di-ketepikan. Malahan, Kerajaan Negeri sedang meneruskan lagi pelaksanaan projek2 yang kechil2 itu di-dalam Negeri ini terutama di-kawasan2 luar bandar. Projek2 yang kechil2 ini ada-lah di-jalankan oleh Kerajaan dengan perbelanjaan-nya sendiri dan juga dengan bantuan daripada Kerajaan Pusat ia-itu saperti membena dan memper-

baik jalan2 enam kaki, lorong2 kecil, parit2, balai2 raya, padang2 permainan dan juga tempat2 beribadat. Perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menyiapkan projek2 dalam tempoh 12 bulan yang lalu atau projek2 yang akan siap tidak berapa lama lagi adalah berjumlah lebih daripada \$1 juta semua-nya.

Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Yang Akan Datang.

Saya percaya Dewan ini ingin mengetahui apa-kah tujuan Kerajaan Negeri melancarkan Ranchangan Pembangunan yang akan datang ia-itu bermula pada tahun 1966 itu nanti. Sebagai menerangkan-nya maka di-sini suka saya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri ada-lah bertujuan hendak melaksanakan projek2 yang lebih banyak lagi bilangan dan jenis-nya daripada projek2 yang telah di-jalankan di-bawah Ranchangan Lima Tahun yang Kedua —dengan syarat ada wang untuk-nya — projek2 itu ia-lah untuk mendatangkan faedah dan menafa'at kepada kawasan2 luar bandar dan juga kawasan2 bandar. Apabila Ranchangan itu seluruh-nya selesai di-jalankan kelak, dijamin bahawa taraf hidup ra'ayat akan menjadi jauh lebih tinggi daripada apa yang telah di-nikmati mereka pada masa yang sudah2. Di-antara ranchangan2 atau projek2 yang bakal di-laksanakan itu ia-lah membina banyak lagi jalan2 raya; melaksanakan sa-buah ranchangan bekalan ayer yang besar — ya'ani Ranchangan Sungai Muda yang akan menyempurnakan segala kehendak2 dan keperluan2 di-Negeri ini seluruh-nya; memberi bekalan ayer kepada banyak lagi kawasan2; melaksanakan banyak lagi ranchangan2 parit dan tali-ayer; membina banyak lagi rumah2 murah; mendirikan banyak lagi sekolah2 dan mengadakan kemudahan2 perubatan

yang lebih baik; menarek banyak lagi kilang2 dan perusahaan2; dan pada umum-nya, menjadikan Pulau Pinang ini sa-buah Negeri yang lebih ma'amor dan lebih sempurna untuk penghidupan kita. Sebagaimana yang telah saya katakan tadi wang ia-lah perkara yang mustahak dan penting. Kerajaan Negeri akan berasa lebih tenang dan lega, tidak lagi terharu, jikalau ra'ayat sekalian insaf dan faham betul2 akan hal ini kerana Kerajaan tidak mahu dan tidak ingin mengelirukan ra'ayat sa-hinggakan mereka itu menyangka yang Kerajaan mempunyai banyak lagi wang. Sangat-lah mustahak bagi Dewan ini dan juga ra'ayat sekalian mengetahui dan sedar bahawa hasil mahsul Negeri bukan-lah hasil mahsul yang tidak boleh habis — sudah banyak yang telah di-pergunakan. Jadi, harapan Kerajaan ia-lah untuk mendapatkan seberapa banyak bantuan yang boleh daripada Kerajaan Pusat bagi melaksanakan Ranchangan itu. Walau bagaimanapun, ra'ayat Negeri ini patut-lah juga bersedia untuk membuat pengorbanan2 yang perlu bagi membolehkan Kerajaan Negeri ini menjalankan Ranchangan tersebut kerana mereka sendiri-lah yang akan mendapat faedah dan menafa'at daripadanya kelak.

Penyertaan Orang2 Melayu Dalam Lapangan Perniagaan Dan Perusahaan.

Sebagai menepati dan mengikut dasar Kerajaan Pusat maka Kerajaan Negeri sangat-lah berhajat ia-itu lebih ramai lagi orang2 Melayu patut mengambil bahagian yang cergas dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Bagi menghasilkan-nya maka suatu langkah yang penting telah pun di-ambil ia-itu suatu jawatan yang istimewa di-namakan Pegawai Penyertaan Orang2

Melayu telah di-adakan di-dalam Negeri ini. Dengan ada-nya pegawai itu maka lebeh rapat dan lebeh erat-lah lagi perhubungan masharakat orang2 Melayu dengan Kerajaan. Beberapa langkah yang tegas yang lain2-nya juga sedang di-ambl bagi menggalak serta mendorong orang2 Melayu supaya mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Kerajaan Negeri juga telah menghantar wakil2 untuk mengambil bahagian dalam Kongres Ikonomi Bumiputra yang di-anjorkan oleh Kerajaan Pusat di-Kuala Lumpur baru2 ini.

Bahasa Kebangsaan.

Kerajaan Negeri terus menerus memberi perhatian tegas yang khas dan istimewa tentang pelaksanaan Bahasa Kebangsaan. Sekarang ini Kerajaan sedang membuat urusan bagi mengadakan kelas2 Bahasa Kebangsaan untuk kakitangan2 Kerajaan kerana kejayaan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan itu sebahagian besar-nya ada-lah bergantung kepada Jabatan2 Kerajaan. Kelas2 yang bakal di-anjorkan itu akan di-adakan pada waktu bekerja di-pejabat2. Satu perkara yang sangat memberangsangkan ia-lah kakitangan2 Kerajaan telah dan sedang berusaha bersungguh2 dengan ikhlas dan jujur untuk mempelajari Bahasa Kebangsaan dan menggunakannya dalam urusan2 mereka sa-hari2. Gudang2 perniagaan dan sharikat2 juga telah banyak menaruh minat dan memberi kerjasama yang berlebeh2 lagi tentang penggunaan Bahasa Kebangsaan. Di-harapkan yang badan2 lain juga akan mengikuti jejak langkah mereka yang baik itu.

Penutup.

Ahli2 Yang Berhormat, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini dan mengundor diri, saya suka mengucapkan berbanyak2

terima kaseh kapada penduduk2 Pulau Pinang yang telah memberi bantuan dan derma bakti kapada Negeri ini. Kita terhutang budi khas-nya kapada mereka yang berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata di-sa'at yang genting ini dan juga kapada mereka yang berkhidmat dengan Pasokan Pertahanan Awam dan Pasokan Kawalan dengan sechara sukarela bagi memperlindungi kita sekalian daripada benchana penyusopan musuh. Kapada pegawai2 Kerajaan dan kakitangan2 yang lain2-nya saya ucapkan berbanyak2 terima kaseh kerana mereka telah ta'at bertugas dan menjalankan kewajipan masing2 dengan tekun, bersungguh2 dan tabah hati. Negeri Pulau Pinang telah mendapat faedah yang banyak hasil daripada kemurahan dan kebaikan hati Kerajaan Pusat — dari itu kita sangat-lah terhutang budi kapada Kerajaan Pusat dan kita berharap perasaan dan sikap bantu membantu dan perhubungan mesra di-antara kedua2 pihak itu akan menjadi lebeh erat lagi. Kita mengharap bantuan dan pertolongan daripada Kerajaan Pusat bagi mencapai tujuan2 dan cita2 kita dalam Rancangan Lima Tahun yang Ketiga bagi Negeri ini. Kita mempunyai keyakinan yang penoh terhadap Kerajaan Pusat dan kita perchaya bahawa Kerajaan Pusat akan dapat menghadapi dan menyelesaikan segala kerumitan mengenai Malaysia. Disamping itu kita juga membaharui ikrar bahawa kita sekalian ta'at dan setia dengan tidak berbelah-bagi kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Negara kita.

Akhir sekali, saya berdo'a kahadzrat Allah Yang Maha Berkuasa supaya di-perlindungi-nya kita pada sa-tiap masa daripada musuh2 kita dan akan menamatkan konferantasi yang ta' ada ma'ana dan tujuan supaya dapat-

lah negara kita menikmati keamanan dan kema'amoran yang berlebehan lagi.

B E R J A Y A .

The Assembly adjourns for half an hour.

The Assembly resumes at 12.15 p.m.

3. (A) ORAL ANSWERS TO QUESTIONS.

Member for Jelutong (Mr. Tan Hock Hin) asks the Chief Minister:

1. (a) Ada-kah pembangunan rumah2 di-bawah Ranchangan rumah murah di-Berapit itu sudah siap?
- (b) Kalau jawapan kepada soal 1(a) ada-lah "ya", berapa lama rumah itu sudah siap? Mengapa rumah itu maseh belum di-bahagikan kepada rakyat? Berapa perbelanjaan di-belanja untuk mengupah pekerja2 menjaga-nya?
- (c) Kalau jawapan kepada soal 1(a) adalah "tidak", sila memberi tahu bila rumah2 tersebut akan siap?

Chief Minister: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan 1(a) ia-lah "ya". Jawapan kepada soalan 1(b) — lima bulan yang lalu. Rumah2 itu sudah pun di-bahagi2kan. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak lebeh kurang \$800 sa-bulan. Jawapan kepada soalan 1(c) — soalan ini tidak-lah berbangkit.

Member for Tanjong Tengah (Mr. Teh 'Geok Kooi) asks the Chief Minister:

1. Has the State Government received the appeal by the Board of Management of the Chung Hwa (N.T.) Chinese School, appealing against the decision of the City Council authorising the construction of a 4 Storey Cinema on the right side of the School?

Chief Minister: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini — ya.

Member for Tanjong Tengah (Mr. Teh Geok Kooi) asks the Chief Minister:

2. If so, what action has been taken with regard to this appeal.
 - (a) Whether the State Government has given consideration to the general and educational well-being of the over 1700 pupils of the School?
 - (b) Will the State Government intervene in this matter?
 - (c) If the State Government cannot intervene, please explain why?

Chief Minister: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan 2 — perkara ini sedang di-siasat. 2(a) — ya. 2(b) — Perkara ini sedang di-siasat dan Kerajaan akan berchampur tangan, jika perlu. 2(c) — memandang kepada jawapan (b) di-atas soalan ini tidak-lah berbangkit.

Member for Kota (Dr. Lim Chong Eu): Mr. Speaker, Sir, a supplementary question — in view of the replies given to question 2, the Government says that it has given consideration; Government is concerned over the well-being of the pupils of the school. Question 2(b) — Government now says that it will intervene only if necessary, if I am correct.

Chief Minister: If warranted.

Member for Kota (Dr. Lim Eu): Well, Sir, if warranted, is it not warrantable to be interested in the well-being of 1,700 pupils?

Mr. Speaker: I think it is a question of opinion.

Member for Kota (Dr. Lim Eu): No, Sir, I think it is a question arising out of the reply.

Mr. Speaker: Even if it is a question arising out of the reply, it is a matter of opinion.

Member for Kota (Dr. Lim Chong Eu): I accept your ruling.

Chief Minister: Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga kasi keterangan kapada Yang Berhormat Ahli Kawasan Kota, jawapan kapada soalan 2: perkara ini sedang di-siasat — investigation, not under consideration, under investigation.

Member for Tanjong Tengah (Mr. Teh Geok Kooi) asks the Chief Minister:

3. Has the State Government received a petition from the residents in Buckingham Street and its vicinity appealing to the Government not to close down the Government Dispensary in Buckingham Street; if so, what consideration is being given to this appeal?

Chief Minister: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kapada soalan 3 — tidak.

(B) WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS:

Chief Minister: Tuan Yang di-Pertua, jawapan2 kapada soalan2 yang telah di-tanya hari ini adalah di-bentangkan di-atas meja Dewan.

Enche Khoo Kay Por asks the Chief Minister:

1. Is the State Government aware of the fact that there is only one doctor in the General Hospital, Penang, attending to patients during the night?
2. What is the procedure for the old and invalid to obtain admission to the Home for the aged?

3. What is the present position of the Mak Mandin Industrial Estate? How many factories have been built so far? How many more are in the course of construction? How many people have obtained employment in this Industrial Estate?

4. What is the present position with regard to the Commission of Inquiry in connection with the allegation of corruption and malpractices in the City Council? Is the Judge still not available?

5. How much revenue did the State Government derive from the sale of toddy in each of the following years 1960, 1961, 1962, 1963 and 1964?

6. The revenue derived from this particular source of revenue for each of the aforesaid years represents how many per cent of the total state revenue?

7. How many toddy shops are in Penang Island and in Province Wellesley? Please give separate figures of revenue collected in each of the aforesaid years in respect of the toddy shops in:—

(a) Penang Island

(b) Province Wellesley.

Chief Minister:

1. It is true that there is only one Medical Officer throughout the night attending to emergency and the casualty cases in the Admission Room of Casualty Department for General Hospital, Penang, after office hours. All the Specialists and Registrars are available if the casualty doctor requires their help for treatment of such cases when they are admitted into the Hospital. In addition, about 12 housemen in the wards are working and are available practically 24 hours of the day and night.
2. Applications for admission to Homes for the aged may be made in writing or personally at any office of the Social Welfare Department in the

State. The applications are carefully investigated by trained officers of the Social Welfare Department; the applicants medically examined and consideration is given for admission by the appropriate authority:

(1) *The Director of Social Welfare—*

in respect of Federal Homes administered by the Social Welfare Department.

(2) *Chairman, Jubilee Home Committee —*

in respect of the Jubilee Home, Sungei Dua.

(3) *State of Penang Welfare Committee —*

in respect of the Permatang Tinggi Old Folks Home, Bukit Mertajam.

(4) *Committee, Homes Association—*

in respect of Home for the Infirm at Batu Lanchang.

(5) *Rev. Mother Superior —*

in respect of Home run by Little Sisters of the Poor.

(6) *Rev. Father, Catholic Church, Bukit Mertajam —*

in respect of Old People's Home, Bukit Mertajam.

2. Applicants for admission to the Homes must normally be more than 60 years old, without any relatives and free from infectious diseases.

3. Present position is good. Development works (site clearance, filling, roads, etc.) in the Phase I area of approximately 70 acres is nearing completion. Eighteen sites covering about 50 acres have been approved.

Two factories have been completed and four others are in the course of construction. Three factories have submitted building plans to the local authority concerned for approval. It is expected that the others will take shape soon. Many people have obtained employment.

4. The Ministry of Justice has recently reassured that it is expected to appoint a new Judge shortly and as soon as this appointment is made, a Judge will be released for appointment as Chairman of the Commission of Inquiry.

5. The revenue derived from sale of toddy is as follows:—

1960 ... \$1,354,853

1961 ... \$1,341,319

1962 ... \$1,215,058

1963 ... \$1,148,024

1964 ... \$1,192,646

6. The percentage is as follows:—

1960 ... 9.5%

1961 ... 8.8%

1962 ... 8.9%

1963 ... 8.5%

1964 ... 8.5%

7. There are 11 toddy-shops in Penang Island and 8 in Province Wellesley.

Break-down of revenue from sale of toddy between Penang Island and Province Wellesley:—

	1960	1961	1962	1963	1964
	\$	\$	\$	\$	\$
(a) Penang Island	851,818	894,213	781,364	725,313	749,888
(b) P.W.	503,035	447,106	433,694	422,711	442,758

Enche Khor Peng Seah asks the Chief Minister:

1. How far has the Committee appointed to consider the flood problems in the Caunter Hall and Bridge Street areas progressed? When will the investigations be completed? If the answer is similar to one given previously that it would take some time, may I know how long we have to wait, 20 years, 30 years, 50 years?

2. The Government is aware that floods in these areas are threatening the

safety of the people and that at least they will occur twice or three times a year, particularly during the rainy season. Why have no efforts been taken immediately to alleviate the floods and dam them up during a specific period?

3. The residents of Jalan Sungei Bakau and Jalan Bukit Tambun areas in Seberang Selatan have applied to the State Government for installation of Standpipes. Has the State Government done so? If not, when?
4. The roads in Jalan Byram Estate and Transkrian Estate areas are in bad condition and are full of holes. Has the State Government any plans to improve both of these roads?
5. What is the total amount of transport allowance and meeting allowance claimed by each Member of the Legislative Assembly between 1st January and 31st May this year?

Chief Minister:

1. As explained in the answer provided at State Legislative Assembly meeting held on 25th November, 1964, this is a complex problem. Therefore, the Committee has still not yet completed its investigation. It is not possible at this stage to say when it will be completed.
2. No action has been taken because investigation has not yet been completed.
3. Stand-pipes have been installed.
4. Yes, the Government has plans.
5. The allowances that were drawn were as follows:—

1. Y.B. Enche Ariffin bin Shariff	\$ 25.52
2. Y.B. Enche Kee Yong Chin	27.58
3. Y.B. Enche M. S. A. Zachariah	16.56
4. Y.B. Enche Tan Khim Hoe	13.52
5. Y.B. Enche Aziz Ibrahim	19.60
6. Y.B. Tuan Hj. Ahmad bin Mohd. Taib	91.80

7. Y.B. Enche Khor Peng Seah	60.00
8. Y.B. Tuan Hj. Ahmad bin Hj. Abdullah	27.04
9. Y.B. Dr. Lim Chong Eu	78.00
10. Y.B. Tuan Hj. Sulaiman bin Haji Ahmad	24.00
11. Y.B. Enche Ismail bin Hashim	39.20
12. Y.B. Tuan Hj. Sahid bin Hassan	34.32
13. Y.B. Enche Khoo Kay Por	96.00

Total: \$553.14

Enche Tan Hock Hin asks the Chief Minister:

1. (a) Why will Penang Hill Railway restrict the number of passengers.
- (b) Is it true that between 9.00 a.m. and 5.00 p.m. the Penang Hill Railway besides carrying passengers will only carry materials for construction of Helicopter Base for foreign Military Authorities?
- (c) Is the Government aware that due to the fact that it has to carry materials for foreign Military Authorities the Penang Hill Railway will not be able to convey goods for the public and as a result will cause serious hardship to the residents on Penang Hill?

Chief Minister:

1. (a) Because space is required for Government use.
- (b) At the moment goods for the public are not carried between 9.00 a.m. and 5.00 p.m.
- (c) Goods for the public are still being allowed before 9.00 a.m. and after 5.00 p.m.

The Assembly adjourns at 12.20 p.m. to 10th June, 1965, at 9.30 a.m.

